

Maklumat Tambahan untuk Helaian Pendedahan Produk (PDS)

Dokumen ini menyediakan maklumat tambahan yang tidak dimasukkan dalam Helaian Pendedahan Produk (PDS)

1. Apakah yang akan berlaku jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

Untuk Pinjaman Berjangka

- Caj bayaran lewat 1% setahun akan dikenakan ke atas jumlah tunggakan, dan ini akan menyebabkan jumlah tunggakan meningkat.
- Sekiranya anda gagal membayar mana-mana jumlah yang tertunggak sepanjang tempoh Fasilitas selama 31 hari atau sebanyak 3 kali dalam tempoh 12 bulan, pihak Bank boleh, pada budi bicaranya, meminda Kadar Tertakrif, yang akan terdiri daripada Faedah Tambahan (dikenakan pada kadar 1.5% setahun dan/atau kadar lain yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa) di atas Kadar Tertakrif ("**Kadar Tertakrif Dipinda Tahap 1**") secara harian atau kadar lain yang mungkin ditetapkan oleh Bank ke atas baki tertunggak.
- Sekiranya setelah Kadar Faedah Tertakrif Dipinda Tahap 1 dikenakan dan anda gagal membayar mana-mana jumlah yang tertunggak di bawah Perjanjian Pinjaman sepanjang tempoh Fasilitas selama 100 hari daripada tarikh jumlah tersebut sepatutnya dibayar atau tempoh lain yang mungkin diberitahu oleh Bank dari semasa ke semasa, pihak Bank boleh, pada budi bicaranya, menaikkan Kadar Faedah Tertakrif Dipinda Tahap 1 dengan mengenakan faedah tambahan sebanyak 1.00% setahun di atas Kadar Faedah Tertakrif Dipinda Tahap 1 ("**Kadar Faedah Tertakrif Dipinda Tahap 2**") secara harian atau kadar lain yang mungkin ditetapkan oleh Bank ke atas baki tertunggak.
- Kadar Tertakrif Dipinda Tahap 2 akan terus berkuat kuasa sehingga:
 - (aa) Anda telah melunaskan semua jumlah tertunggak di bawah Fasilitas, iaitu akaun anda telah diselaraskan, dalam keadaan tersebut kadar faedah yang terpakai akan diubah kepada Kadar Tertakrif; atau
 - (bb) Jumlah wang yang perlu dibayar oleh anda masih belum dijelaskan melebihi 91 hari (atau tempoh lain yang mungkin diberitahu oleh Bank dari semasa ke semasa) dari tarikh jumlah wang tersebut sepatutnya dibayar, maka kadar faedah yang dikenakan akan ditukar kepada Kadar Tertakrif Dipinda Tahap 1.
- Kadar Tertakrif Dipinda Tahap 1 akan terus terpakai sehingga jumlah yang tertunggak di bawah Fasilitas berkurang daripada 31 hari (atau tempoh lain yang mungkin diberitahu oleh Bank kepada Anda dari semasa ke semasa), di mana kadar faedah yang terpakai akan diubah kepada Kadar Tertakrif.

Untuk Kemudahan Overdraf

- Anda tidak dibenarkan membuat pengeluaran melebihi had Overdraf. Jika anda mengeluarkan atau menggunakan fasilitas berkenaan melebihi had yang ditetapkan, faedah Lebihan Overdraf ("**Faedah Lebihan OD**") mengatasi Kadar Rujukan atau kadar lain seperti yang ditentukan oleh Bank hendaklah dikenakan ke atas semua jumlah yang dikeluarkan melebihi had pada kadar SBR + 7.50% setahun.

Untuk Pinjaman Berjangka & Kemudahan Overdraf

- Pihak Bank mungkin menolak selesai sebarang baki kredit yang terdapat di dalam akaun anda dengan Bank bagi menjelaskan baki tertunggak di dalam akaun pembiayaan ini dengan notis bertulis.
- Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda gagal memberi tindak balas terhadap notis-notis peringatan. Hartanah anda mungkin akan disita/dilelong dan anda perlu menanggung kos keseluruhannya. Anda juga bertanggungjawab untuk melunaskan sebarang kekurangan hasil jualan selepas hartanah anda dilelong.
- Tindakan undang-undang terhadap anda mungkin akan menjejaskan skor kredit anda yang membawa kepada kredit menjadi lebih sukar atau mahal untuk anda.

Penting:

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk pada Terma dan Syarat Utama yang dilampirkan.

2. Adakah saya memerlukan sebarang perlindungan insuran/takaful?

- Semua hartanah kediaman diperlukan untuk diinsuranskan atau perlindungan takaful diperoleh di bawah polisi pemilik kediaman, sementara hartanah komersial dan kosong perlu diinsuranskan atau dilindungi di bawah polisi kebakaran.
 - (a) Anda harus memastikan hartanah tersebut diinsuranskan secukupnya sehingga nilai penuh mereka dapat diinsuranskan, ke atas kerugian atau kerosakan akibat kebakaran, pencahayaan, ribut, banjir, rusuhan, kekacauan awam, perbuatan jahat dan mogok dan lain-lain risiko seperti yang diminta oleh Bank;
 - (b) Anda hendaklah memberikan salinan polisi atau polisi yang sah diperakui jadi dibeli/ diambil alih oleh Bank yang disahkan sebagai penerima kerugian / gadai janji bersama bukti pembayaran premium/ pembayaran takaful/ sumbangan yang perlu dibayar di bawah polisi kepada Bank. Sekiranya Bank mengambil perlindungan insurans atau perlindungan takaful bagi pihak anda, Bank akan mendebitkan sumbangan premium insurans kebakaran/ perlindungan takaful ke dalam akaun pinjaman/ pembiayaan anda dengan notis bertulis sebelum ini kepada anda.
- Mortgage Decreasing Term Assurance (MDTA)/ Mortgage Reducing Term Takaful (MRTT)/ Mortgage Level Term Assurance (MLTA)/ Mortgage Level Term Takaful (MLTT) adalah opsyen (pilihan) melainkan ia adalah salah satu kriteria promosi seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran
- Walau bagaimanapun anda digalakkan untuk mendapatkan MDTA/MRTT/MLTA/MLTT untuk melindungi keluarga anda daripada kehilangan hartanah disebabkan oleh kejadian yang tidak dijangka.
- Sekiranya MDTA/MRTT/MLTA/MLTT dibiayai oleh Bank, Bank hanya akan melepaskan sumbangan premium / takaful bersama dengan pelepasan pembiayaan hartanah pembiayaan pertama atau pada bila-bila masa selepas itu mengikut budi bicara Bank dan tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:
 - (a) Bank telah menerima surat penerimaan / surat tawaran yang dikeluarkan oleh syarikat insuran / takaful yang diterima oleh Bank;
 - (b) Bank tidak menerima apa-apa pemberitahuan daripada syarikat insuran / takaful berkenaan penolakan dan / atau rayuan surat tawaran anda;

- (c) Anda / pihak dilindungi tidak meninggal dunia sebelum pengeluaran pertama pembiayaan; dan
- (d) Sekiranya surat penerimaan / surat tawaran yang dikeluarkan oleh syarikat insuran / takaful berkenaan telah tamat tempoh pada atau sebelum pengeluaran pertama pembiayaan, anda akan menyerahkan borang permohonan baru untuk penilaian dan surat penerimaan / surat tawaran baru yang dikeluarkan oleh syarikat insuran / takaful berkenaan hendaklah anda perolehi.
- Perlindungan MDTA/MRTT/MLTA/MLTT akan berkuatkuasa apabila sumbangan premium/takaful penuh (termasuk apa-apa muatan atau yang melebihi sumbangan premium/takaful asal) diterima oleh syarikat insuran / takaful berkenaan.

3. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada pihak Bank tentang sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan anda pada peluang seawal mungkin untuk memastikan anda menerima semua surat-menyerurat tepat pada masanya.

Untuk mengemaskini maklumat perhubungan anda, sila hubungi pihak Bank di +603-7626 8899 atau kunjungi mana-mana cawangan di seluruh negara.

4. Dimanakah saya boleh mendapatkan bantuan dan membuat aduan?

- Jika anda mempunyai masalah untuk menjelaskan bayaran, anda seharusnya menghubungi kami seawal mungkin bagi membincangkan pembayaran alternatif. Anda boleh menghubungi Pusat Pungutan Pengguna kami di:

Consumer Collection Centre

Aras 2, PJ City Development, No. 15A, Jalan 219, Section 51A, 46100 Petaling Jaya, Selangor

Tel: +603-7959 1888 Faks: +603-7873 8228

E-mel: MCC2@hlbb.hongleong.com.my

- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pembiayaan secara percuma kepada individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Agensi Kaunseling Pengurusan Kredit (AKPK)

Aras 5 dan 6, Menara Aras Raya (Dahulunya dikenali sebagai Menara Bumiputera Commerce), Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur

Tel: +603-2616 7766

Laman Web: akpk.org.my/contact-us

- POWER! (Pengurusan Wang Ringgit Anda) Program, yang ditawarkan oleh AKPK, menggalakkan pengurusan wang berhemat dan disiplin kewangan kepada peminjam individu. Untuk mendaftar dan maklumat lanjut, sila hubungi 03-2616 7766 atau layari laman web di www.akpk.org.my
- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami di:

Advokasi Pelanggan

Hong Leong Bank Berhad, Aras 13A, Menara Hong Leong, No 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.

Tel: +603-7626 8821/7626 8802/7626 8812

E-mel: customerservice@hlbb.hongleong.com.my

- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan secara puas oleh kami, anda boleh menghubungi BNMLINK di:

BNMLINK

Aras 4, Podium Bangunan AICB, No.10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.

Laman Web: bnm.gov.my/BNMLINK

Tel: 1-300-88-5465 or 03-2174-1717 (untuk panggilan luar negara)